

Lelaki miliki dua butir peluru hidup tanpa lesen didenda

SIBU: Gara-gara memiliki dua butir peluru hidup tanpa lesen, seorang lelaki dijatuhi hukuman denda RM3,000 atau penjara tiga bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Tertuduh Kong Chung Hui, 35, dijatuhi hukuman itu setelah mengaku bersalah terhadap pertuduhan di hadapan Majistret Romario Jonoi.

Kong didakwa memiliki dua butir peluru Winchester Western 12GA 3in/76mm berwarna merah tanpa lesen di tempat parkir berhadapan sebuah premis kafe di Lorong Gelama 4 pada 28 Mei 2024, kira-kira jam 11.20 malam.

Sehubungan itu, tertuduh telah melanggar Seksyen 8(a), Akta Senjata 1960 yang membawa hukuman penjara tidak lebih tujuh tahun atau denda tidak lebih RM10,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit dengan kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, pihak polis telah menahan seorang lelaki iaitu tertuduh pada hari kejadian yang menunggang sebuah motosikal.

Pemeriksaan terhadap motosikal terbabit, pihak polis telah menjumpai dua butir peluru dibungkus dengan kain yang disimpan di dalam bakul hadapan motosikal.

Tertuduh juga gagal memberisebarang penjelasan berhubung pemilikan dua butir peluru terbabit, selain tidak mempunyai lesen atau permit bagi memiliki senjata api atau peluru.